A

BADRUL HISHAM SHAHARIN

lwn.

KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
MOKHTARUDIN BAKI H
[PETISYEN PILIHANRAYA NO: 26-4-2008]
4 JUN 2008

C ***PILIHANRAYA:*** *Petisyen - Bantahan awal - Sama ada petisyen tidak mematuhi k. 4(4) Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 - Kegagalan pempetisyen menyatakan apakah ketidakpatuhan responden pertama dan kedua mengikut s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 - Kegagalan memberi fakta-fakta yang jelas cara mana ketidakpatuhan*
D *responden kedua boleh menyentuh keputusan pilihanraya - Sama ada boleh menyebabkan prejudis berlaku kepada responden-responden*

Responden pertama telah membangkitkan bantahan awal bahawa pempetisyen tidak mematuhi k. 4(4) Kaedah-kaedah Petisyen
E Pilihan Raya 1954/Election Petition Rules 1954 ('EPR') kerana petisyen tidak dilandaskan atas alasan-alasan yang ditetapkan oleh s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954/Election Offences Act 1954 ('EOA"). Sebagai tambahan, peguam kanan persekutuan menambah dua lagi bantahan oleh responden kedua (i) kegagalan
F pempetisyen mematuhi k. 3(2) EPR 1954, iaitu pempetisyen hanya meninggalkan satu salinan petisyen di dalam fail mahkamah dan sepatutnya dua salinan dan (ii) pempetisyen gagal memplidkan permohonan untuk deklarasi seperti yang ditetapkan di bawah s. 35 EOA 1954, satu lagi ketidakpatuhan dengan kehendak
G k. 4(1) dan k. 4(3) EPR 1954.

Diputuskan (membatalkan petisyen):

(1) Adalah menjadi undang-undang matan bahawa fakta dan alasan hendaklah mematuhi keperluan s. 32 EOA 1954.
H Pempetisyen gagal menyatakan di dalam petisyen apakah ketidakpatuhan responden pertama dan kedua mengikut seksyen tersebut. Pempetisyen gagal memberi fakta-fakta yang jelas cara mana ketidakpatuhan responden kedua (Borang 14 dan 15) boleh menyentuh (affect) keputusan pilihanraya.
I (perenggan 2 & 5)

(2) Kaedah 3(2) EPR 1954 meletakkan tanggungan kepada pempetisyen untuk memastikan dua salinan petisyen di Pejabat Pendaftaran Mahkamah. Walaupun dipulangkan semuanya, peguam mesti pastikan dua salinan tersebut berada di dalam fail mahkamah. Kecacatan yang berlaku adalah material dan banyak. Kegagalan memberi fakta dan huraian alasan seperti kehendak s. 32 menyebabkan prejudis berlaku kepada responden-responden kerana mereka berhak untuk tahu apakah perlanggaran undang-undang dan cara mana ianya akan menyentuh keputusan pilihanraya tersebut. (perenggan 13 & 16)

Kes-kes yang dirujuk:

Bong Geok Beng v. Ahmad Nordin Mohamed Amin & Anor [1980] 1 MLJ 167 HC ***(dirujuk)***

Dr Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus Pilihanraya N 26 Bangi & Ors and Other Petitions [2005] 5 CLJ 349 HC ***(dirujuk)***

Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors [2004] 4 CLJ 729 FC ***(dirujuk)***

Mohamed Jaafar v. Sulaiman & Anor [1969] 1 LNS 111 ***(dirujuk)***

Ramely Mansor v. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia & Ors [2000] 6 CLJ 56 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Election Offences Act 1954, ss. 32(b), 35

Election Petition Rules 1954, rr. 3(2), 4(1)(b), (3), (4)

Bagi pihak pempetisyen - Robert Lazar (Razlan Hadri, N Sivanathan & Sheila Lingam bersamanya); T/n Fernandez & Selvarajah

Bagi pihak responden 1 - Datuk Mohd Shafie Abdullah (Badrul Munir Bukhari bersamanya); T/n Shafee & Co

Bagi pihak responden 2 - Mohd Al-Saifi Hj Hashim (Siti Salwa Musa, Sharifah Hacindie Syed Omar & Suhaila Haron bersamanya)

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mokhtarudin Baki H:

Bantahan Awal Oleh Responden Pertama

[1] Petisyen tidak mematuhi k. 4(4) Election Petition Rules 1954 ("EPR") kerana petisyen tidak dilandaskan atas alasan-alasan yang ditetapkan oleh s. 32 Election Offences Act 1954 ("EOA").

[2] Adalah menjadi undang-undang matan bahawa fakta dan alasan hendaklah mematuhi keperluan s. 32 EOA 1954. Pempetisyen gagal menyatakan di dalam petisyen apakah ketidakpatuhan responden 1 dan 2 mengikut s. 32 EOA 1954.

[3] Dari fakta-fakta yang diplidkan hanya mengenai ketidakpatuhan responden 2 memberi satu salinan lengkap Borang 14 dan 15. Adakah kegagalan ini (jika benar) merupakan satu kesalahan. Jika ianya merupakan satu kesalahan ianya perlu dihuraikan sebagai alasan di bawah s. 32 EOA 1954.

[4] *Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors* [2004] 4 CLJ 729 FC Abdul Hamid FCJ di ms 744 h:

> … However, even assuming for a moment that the petitioner is indeed relying on s. 32(b), I am of the view that the petitioner should have set out facts complying with the twin requirements of s. 32(b) so as to have a cause of action, sufficient to sustain the prayers sought.

[5] Di dalam petisyen di hadapan saya, ianya bukan sahaja gagal memplidkan s. 32 EOA 1954 malah fakta-fakta yang jelas cara mana ketidakpatuhan responden 2 (Borang 14 dan 15) boleh menyentuh (affect) keputusan pilihanraya.

Petisyen Gagal Mematuhi Kehendak k. 4(1)(b) EPR 1954 Dan s. 32(b) EOA 1954

[6] Kaedah 4(1)(b) EPR 1954:

> An election petition shall contain the following statements:
>
> (a) …
>
> (b) it shall state the holding and result of the election, and shall briefly state the facts and grounds relied on to sustain the prayer.

[7] Seksyen 32(b) EOA 1954:

> non-compliance with the provisions of any written law relating to the conduct of any election if it appears that the election was not conducted in accordance with the principles laid down in such written law and that such non-compliance affected the result of the election.

[8] Saya bersetuju petisyen tidak menyatakan fakta-fakta dan alasan 'as to how and what extent the non-compliance has affected the result of the election'.

[9] *Mohamed Jaafar v. Sulaiman & Anor.* [1969] 1 LNS 111, YA Chang Min Tat:

> … he (the petitioner) still had to show that the result would have been affected or different and this he had singularly failed to do.

[10] Petisyen hanya menyatakan ketidakpatuhan tetapi tidak mengenai fakta dan alasan untuk menunjukkan bahawa ketidakpatuhan tersebut menyentuh keputusan pilihanraya (affected the result of the election).

Bantahan Awal Oleh Responden 2

[11] Sebagai tambahan kepada bantahan-bantahan di atas Peguam Kanan Persekutuan menambah dua lagi bantahan:

(1) Kegagalan pempetisyen mematuhi k. 3(2) EPR 1954; iaitu pempetisyen hanya meninggalkan satu salinan petisyen di dalam fail mahkamah; sepatutnya dua salinan.

[12] Alasan yang diberi oleh peguam pempetisyen melalui affidavit bahawa kerani mahkamah memulangkan semua salinan dan hanya mengambil satu salinan untuk simpanan fail mahkamah.

[13] Saya bersetuju k. 3(2) EPR 1954 meletakkan tanggungan kepada pempetisyen untuk memastikan dua salinan petisyen di Pejabat Pendaftaran Mahkamah. Walaupun dipulangkan semuanya, peguam mesti pastikan dua salinan tersebut berada di dalam fail mahkamah (kes *Ramely Mansor v. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia & Ors* [2000] 6 CLJ 56).

(2) Pempetisyen gagal memplidkan permohonan untuk deklarasi seperti yang ditetapkan di bawah s. 35 EOA 1954. Ini merupakan satu lagi ketidakpatuhan dengan kehendak k. 4(1) dan k. 4(3) EPR 1954.

[14] Peguam pempetisyen berhujah walaupun tidak diplidkan secara khusus tetapi maksudnya adalah sama jika dibaca petisyen tersebut; begitu juga dengan kegagalan-kegagalan yang lain. Peguam responden 1 dan Peguam Kanan Persekutuan berhujah mengenai s. 32 EOA 1954 ini bererti mereka faham maksud petisyen walaupun tidak diplidkan secara khusus. Apa yang penting tiada prejudis berlaku terhadap responden-responden.

[15] Peguam pempetisyen berhujah bahawa kecacatan boleh dibaiki (curable) kerana kecacatan tersebut tidak 'misleading', tiada prejudis berlaku dan tiada miscarriage of justice.

[16] Saya menolak hujah ini. Kecacatan yang berlaku adalah material dan banyak. Kegagalan memberi fakta dan huraian alasan seperti kehendak s. 32 menyebabkan prejudis berlaku kepada responden-responden kerana mereka berhak untuk tahu apakah perlanggaran undang-undang dan cara mana ianya akan menyentuh (affected) keputusan pilihanraya tersebut.

[17] Sebagai penutup saya memetik kes *Bong Geok Beng v. Ahmad Nordin bin Mohamed Amin & 3 Ors* [1980] 1 MLJ 167 Held: (2) di mana Wan Yahya J mengatakan:

> Section 32 of the Election Offences Act, 1954, requires the petitioner not only to state specifically in his petition which provisions of the law on which non-compliance is alleged to have taken place but also to supply adequate information as to how the respondent is said to have offended that law. In these cases the petitions were defective for want of specific charges.

VT Singham J (*Dr Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus Pilihanraya N 26 Bangi & Ors and Other Petitions* [2005] 5 CLJ 349 at p. 370 h:

> They have also failed to provide sufficient particulars to sustain their allegation. It is no part of the duty of the election judge or the respondent to embark on an enquiry as to what is the likely offence/s that the respondents may have committed. The conduct of the petitioner is akin to casting the net wide in the hope that they might strike with either one and this is something that this court will not condone …

[18] Atas alasan-alasan di atas saya memutuskan petisyen sebagai cacat dan batal. Petisyen dibatalkan dengan kos.

[19] Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbicaraan petisyen ini.